

RANCANGAN PERNIAGAAN
ETR 300
7 - ELEVEN
MEGASTORE CONVINIENCE SHOP

DISEDIAKAN UNTUK :

TN HJ NASIR NORDIN

DISEDIAKAN OLEH :

ABDUL HANIF DORAOH

SYED AGIL SYED ALWEE

JASTU MULOP

SYUKRI HILMY MAT ISA


ROSMAN RAZALI CHONG

MOHD FAIZAL MUSA

DIPLOMA PENGURUSAN BANK

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 2hb. Februari 1999
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963
06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma In Banking Studies di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Abdul Hanif Doraoh	96382214
2.	Jastu Mulop	96960456
3.	Syed Agil Syed Alwee	98381808
4.	Syukri Hilmy Mat Isa	96517811
5.	Mohd Faizal Musa	96266745
6.	Rosman Razali Chong	96960742

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ASMAH HJ. ZAINUDDIN
Ketua Kursus DIB
ITM Melaka.
b/p Provos

Diploma Pengurusan Bank
Semester 05
Institut Teknologi Mara
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

30 March 1999

Tn Hj Nasir bin Nordin
Tutor Asas Keusahawanan
Institut Teknologi MARA
Melaka

Tuan,

Laporan Projek Keusahawanan dan Penyerahan Rancangan Perniagaan

Adalah dimaklumkan bahawa kami, pelajar-pelajar DIB dari kumpulan 5B dengan sukacitanya menyediakan Laporan Rancangan Perniagaan kami bagi memenuhi keperluan mata pelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300).

Rancangan Perniagaan yang kami sediakan adalah berkaitan dengan perniagaan berbentuk francais yang menjual barangan secara tunai. Maklumat yang diperolehi telah didiskusikan secara komprehensif termasuklah objektif, latar belakang perniagaan, rakan kongsi, pemasaran, sistem operasi, pengurusan organisasi serta beberapa aspek lain yang dapat membantu dalam menjayakan rancangan perniagaan ini.

Adalah diharapkan rancangan perniagaan ini akan memberi garis penerangan yang jelas tentang projek perniagaan yang bakal kami jalankan dengan lebih terperinci. Segala yang baik itu datang dari Allah dan segala yang lemah itu datang dari kami sendiri.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Abdul Hanif Doraoh

Syed Agil Syed Alwee

Jastu Mulop

Syukri Hilmy Mat Isa

Rosman Razali Chong

Mohd Faizal Musa

Perniagaan kami adalah perniagaan Megastore Convinience Shop. Bidang perniagaan kami adalah berkaitan dengan penjualan barang-barang runcit dan keperluan rumah. Perniagaan kami menggunakan kosep perniagaan seperti yang dijalankan oleh 7-Eleven yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Kami akan beroperasi dibawah pengurusan sistem francais.

Kami telah membuat kajian mengenai tapak projekdan bersetuju untuk memilih Taman Melaka Raya sebagai pusat operasi. Kawasan ini merupakan sebuah pusat perdagangan dan dikelilingi dengan pelbagai kemudahan. Ia dapat memberikan pulangan pelaburan yang lumayan disebabkan kedudukannya yang strategik.

Perniagaan kami akan melibatkan penjualan barang-barang runcit dan keperluan rumah disamping barangan sanitary. Perniagaan ini dijalankan secara tunai dan tiada kemudahan kredit diberikan kepada pembeli.

Operasi kami adalah untuk meningkatkan jualan ibu pejabat, mendapat keuntungan disamping menyumbang kepada peningkatan taraf hidup masyarakat melalui perkhidmatan yang baik dan berkualiti. Kami juga memberi kebebasan kepada pelanggan dalam membuat pilihan dari segi jenama dan jenis barang yang mereka suka.

Seperti perniagaan lain, kami meghadapi saingan yang dekat dari perniagaan-perniagaan yang lain seperti MiniMart dan Hop In serta perniagaan runcit yang lain yang beroperasi 24 jam. Namun kami percaya kami dapat bersaing dengan mereka memandangkan perkhidmatan, kualiti dan kepelbagaian barang yang akan kami berikan.